

19/11/1997

Tindakan Kongres Amerika dikutuk

on "Persidangan Dewan Undangan Negeri Johor" by Saodi Mat Atar  
JOHOR BAHRU, Selasa - Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor hari ini meluluskan usul tergepar mengutuk draf resolusi 34 ahli Kongres Amerika Syarikat yang mendesak Perdana Menteri meminta maaf dan meletakkan jawatan dengan mendakwa beliau anti Amerika dan anti Yahudi.

Usul itu yang diluluskan sebulat suara membuat ketetapan sepakat dan sekata menyokong padu kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menghadapi tohmahan Kongres Amerika, yang tidak berpuas hati dengan penjelasan beliau bukan anti Yahudi dan anti Amerika.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, membenteng usul itu selepas mendapat laluan Speaker, Datuk Mohd Ali Hassan untuk menanggungkan urusan sidang dewan atas dasar kepentingan isu itu kepada negara.

Usul tiga muka surat itu turut membantah dan menolak dengan tegas tindakan Amerika menyiasat pelaburan Petronas di Iran kerana berunsur ugutan dan keangkuhan kuasa besar itu.

Abdul Ghani memberitahu dewan bahawa Malaysia adalah sebuah negara merdeka dan berdaulat serta mempunyai harga diri, sekali gus mempunyai hak dan kebebasan berasaskan prinsip demokrasi dan hak asasi manusia.

Menurutnya, semua prinsip itu menentukan hala tuju negara sama ada dari segi politik, dasar luar dan ekonomi khususnya untuk berdagang dengan negara lain.

"Sesungguhnya, kita menerima dan mengiktiraf kepemimpinan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri yang dipilih rakyat secara demokratik dan menyanjung tinggi segala usahanya membina Malaysia sebagai negara maju, berdaulat dan dihormati di peringkat antarabangsa.

"Oleh itu, tindakan 34 anggota Kongres Amerika memberi kata dua kepada Perdana Menteri supaya memohon maaf secara terbuka atau meletak jawatan adalah satu penghinaan dan campur tangan terhadap bangsa dan negara.

"Tindakan untuk menyiasat Petronas kerana berdagang dengan Iran juga adalah tindakan angkuh lagi keterlaluan yang melampaui batas perdagangan antarabangsa," katanya ketika membenteng usul itu.

Usul itu yang disokong Datuk Mohamad Aziz (BN-Parit Yaani) sebelum diluluskan, mmenyifatkan 34 anggota Kongres Amerika sebagai tidak bertanggungjawab, biadap dan angkuh kerana tindakannya bertentangan dengan prinsip hak asasi manusia serta kedaulatan dan kemerdekaan sesuatu bangsa.

Abdul Ghani berkata, tindakan Amerika mahu menyiasat pelaburan Petronas pula menunjukkan keangkuhannya mengenakan undang-undang domestik terhadap negara lain, sedangkan ia bertentangan dengan amalan sesebuah negara untuk berdagang.

Katanya, runtuhnya Tembok Berlin yang menandakan berakhirnya perang dingin yang sepatutnya membawa keharmonian kepada dunia, bertukar menjadi medan kepada satu kuasa besar untuk mula menunjukkan kesombongan dan keangkuhannya.

(END)